

SURAT PEKELILING NO. 77/84

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan,
Sarawak.

KEPADA: Semua Residen
Semua Setiausaha Tetap
Kementerian
Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan
dan Badan Berkanun Negeri
dan Persekutuan

PERKARA: Susunan Keutamaan (Order of Precedence)
Negeri Sarawak yang baru

BIL.: 53/PKM/59/1

TARIKH: 23 November, 1984

Kerajaan Negeri telah menyusun semula senarai Susunan Keutamaan (Order of Precedence) Negeri Sarawak, yang mana dua salinannya dikepilkan bersama untuk kegunaan Pejabat Datuk/Tuan.


2. Semua Residen adalah diminta supaya membahagikan Susunan Keutamaan yang baru ini kepada Ketua-Ketua Jabatan, Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan, Majlis Daerah, Pegawai-Pegawai Daerah dan Pegawai Tadbir Sarawak dalam Bahagian masing-masing. Untuk tujuan ini saya kepilkan 100 salinan senarai tersebut.

3. Susunan Keutamaan Negeri Sarawak yang dikeluarkan oleh Pejabat ini Bil. CMO/59/1 bertarikh 25 Mac, 1981 adalah dibatalkan.

Sila beri akuan penerimaannya.

Sekian, terima kasih.

"HIDUP SELALU BERKHIDMAT"



(DATUK ~~HAJI SAFRI AWANG ZAIDELL~~)
h.p. Setiausaha Kerajaan,
Sarawak.